

Mohd. Noh terima anugerah NLP

Naib Canselor universiti awam pertama yang menerima anugerah daripada Kementerian Pendidikan Tinggi

NAIB Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), **Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin** dianugerahkan Sijil Kejurulatihan Certified Neuro Linguistic Program (NLP) bagi tahun 2015 baru-baru ini.

Mohd. Noh merupakan Naib Canselor pertama dari universiti awam yang menerima anugerah tersebut.

Majlis penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Idris Jusoh di Kementerian Pendidikan Tinggi di Putrajaya.

Program Kejurulatihan Certified NLP merupakan projek perintis yang bermula pada 14 September tahun lalu bagi memenuhi hasrat KPT untuk membangunkan agenda negara selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (Pendidikan Tinggi) seterusnya menjana kecemerlangan berterusan dalam pembangunan Malaysia khususnya warga pendidikan tinggi.

NLP merupakan kaedah hubungan antara proses neurologi (neuron) dan bahasa (linguistik) bagi mengubah pembinaan karakter melalui program minda ke arah membantu pembangunan diri pegawai melalui tindakan yang lebih strategik.

Antara matlamat KPT dalam usaha pengamalan kemahiran NLP ini adalah untuk meningkatkan bilangan pelajar



IDRIS JUSOH (dua dari kanan) menyampaikan sijil kejurulatihan NLP kepada Mohd. Noh Dalimin di Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya baru-baru ini.

yang mendapat kelas pertama berkualiti dan perubahan bangsa ke arah Khaira Ummah.

Bagi 2015, seramai 16 pegawai UTHM telah terlibat dan berjaya dianugerahkan sijil kejurulatihan NLP bersyarat dalam majlis yang sama.

Program ini telah dilaksanakan

sebanyak lima siri dan inisiatif itu diteruskan pada 2016 selaras dengan pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi bahawa UTHM merupakan salah satu daripada COE KPT (Kluster Selatan) dalam usaha mendukung perancangan KPT melatih kira-kira tiga juta pegawai dan pelajar di seluruh Malaysia.